

## **Perjuangan Hidup Melayu Dalam Karya M. Nasir**

*The Malay's Life Struggle in the works of M. Nasir*

**Hairul Anuar Harun**  
[hahcindai@gmail.com](mailto:hahcindai@gmail.com)

*Institut Peradaban Melayu*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

**Mohd Azam Sulong**  
[azamdungun@fmsp.upsi.edu.my](mailto:azamdungun@fmsp.upsi.edu.my)

*Fakulti Muzik & Seni Persembahan*  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

**Published:** 12 October 2022

**To cite this article (APA):** Harun, H. A., & Sulong, M. A. Perjuangan Hidup Melayu Dalam Karya M. Nasir : The Malay's Life Struggle in the works of M. Nasir. *PENDETA*. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.fa.1.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.2.fa.1.2022>

### **ABSTRAK**

Perjuangan dalam kehidupan seorang manusia amat penting demi mencapai pelbagai matlamat serta cita-cita sama ada dalam bentuk kebendaan atau kerohanian. Perjuangan hidup orang Melayu ini, dapat dilihat dari perspektif akal budi Melayu yang mencerminkan pengaruh kepada perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang manusia yang mendukung kebijaksanaan, kehalusan jiwa dan keindahan berbahasa. Pembangunan aspek akal budi merupakan unsur kemanusiaan yang penting bagi setiap insan mahupun bangsa, agama dan negaranya. Akal budi Melayu dapat dilihat dengan mengkaji karya kesusasteraan tradisional mahupun karya yang bercorak keilmuan. Penulisan seni kata lagu juga merupakan salah satu cabang kesusasteraan yang jarang diperkatakan kerana ia bersifat popular. Sedangkan sebahagian dari seni kata lagu di Malaysia, mengandungi unsur estetika malah mempunyai bahasa sastera yang tinggi serta mampu mencabar pemikiran, falsafah, dan resam manusiawi. Untuk membuktikan bahawa seni kata lagu juga mampu mencabar pemikiran, tamadun keilmuan serta mempunyai nilai akal budi Melayu yang tinggi, kajian ini akan memberi tumpuan kepada karya-karya seorang seniman yang terkenal sebagai pencipta lagu, penulis lirik, penyanyi, pelakon, pelukis, dan tidak asing lagi di Malaysia iaitu M. Nasir. Sebanyak 10 buah seni kata lagu hasil ciptaan sepenuhnya M. Nasir di dalam album Kembara, dianalisis dan diuraikan dengan memberi fokus terhadap unsur perjuangan hidup seseorang manusia mahupun bangsa Melayu yang menjadi teras kepada penyelidikan ini. Dapatan telah menemukan bahawa M. Nasir telah berjaya menghasilkan karya-karya bermutu dengan cara yang penuh estetik, simbolik, bermakna dan bermanfaat. Konsep perjuangan hidup melalui perspektif akal budi Melayu ini yang disulami dengan unsur perjalanan, cabaran dan harapan, mampu diuraikan dengan lebih universal sifatnya.

**Kata kunci:** perjuangan hidup; akal budi Melayu; lirik lagu; M. Nasir; Kembara

### **ABSTRACT**

*The struggle in life of a human being is essential to achieve the various goals and ambitions either in the form of materiality or spirituality. The life struggle of the Malays, can be seen from the perspective of akal budi Melayu (Malay wisdom) that is reflected through the actions, thoughts and attitude of a human being that supports brilliance, subtlety of the soul and the beauty of language. The development of the akal budi aspect is the utmost important humanity element for every human notwithstanding the ethnicity, religion or country. The akal budi Melayu can be seen through studies of traditional literary works or scholarly works. Song lyrics writing can*

*also be regarded as one of the forms of literature that is seldom discussed about because of the popular nature of the genre. This is in contrast to some of the song lyrics in Malaysia, that contains not only esthetical elements but also has a sophisticated literary flair that could challenges the thoughts, philosophy and social norms. In order to prove that song lyrics can also challenge the thought, knowledge civilization and has an immense akal budi Melayu element, this research focuses on the works of a popular Malaysian artiste that is known as a composer, lyricist, singer, actor, painter – M. Nasir. 10 song lyrics written fully by M. Nasir from the albums of the group Kembara will be analyzed and discussed, focusing on the elements of life struggle of a human and a Malay person that shall be the base of this research. The findings of this research shall prove that M. Nasir has succeeded in creating a quality work that is aesthetic, symbolic, meaningful and beneficial. The concept of life struggle through the perspective of akal budi Melayu that is embroidered with elements of adventure, challenges and hope, may be depicted in a universal way.*

**Kata kunci:** perjuangan hidup; akal budi Melayu; lirik lagu; M. Nasir; Kembara

## **PENDAHULUAN**

Perjuangan, cabaran dan pengorbanan dalam kehidupan seorang manusia yang masih bernafas di dunia ini, sangatlah diperlukan demi mencapai pelbagai matlamat serta cita-cita sama ada dalam bentuk kebendaan atau kerohanian. Perjuangan sesuatu bangsa juga memerlukan pengorbanan yang besar terutamanya dalam mempertahankan maruah diri, agama, bangsa dan negara. Semua bangsa pasti berkeinginan untuk maju dalam ketamadunan yang mementingkan setiap warganya mempunyai daya intelektual yang tinggi dan taraf sosio-ekonomi yang mampan. Maka itu akal budi sesuatu bangsa itu amat penting untuk menyokong perkembangan ketamadunan. Akal budi ialah dua perkataan yang saling berpaut pada makna sebagai cerminan kesopanan seseorang manusia itu dalam menggunakan bahasa dan kebaikan semasa berfikir, bertingkah laku sesuai dengan peranannya yang memberi nilai tambah keintelektualan serta peradaban bangsa.

Hasil kesusasteraan dan kesenian itu selalunya akan menjadi perakam zaman serta mampu membentuk peradaban dan ketamadunan sesuatu bangsa. Pembinaan tamadun bangsa pula sentiasa berkembang dan diperbaharui dari zaman ke zaman. Menurut Idris Zakaria (1991: 228), pembinaan tamadun baharu perlu kepada pentafsiran kembali liku-liku sejarah, pola budaya serta psikologi bangsa, maka nilai rapuh dan lemah perlu ditinggalkan. Perjuangan generasi kini, bermula daripada rakyat kelas bawahan hingga kepada peringkat pemimpin dalam pelbagai bidang kehidupan dan perlu menanam semangat yang tebal serta berkeinginan yang besar untuk membentuk bangsa Melayu baharu yang memiliki tamadun ilmu dan adab yang tinggi. Shamsudin, Azhar & Ghazali (2015: 1-2) berpendapat bahawa untuk melihat ketamadunan sesuatu bangsa, ketinggian akal dengan kehalusan budi bangsanya adalah penentu kepada kecemerlangan sesebuah negara. Keseimbangan antara akal dan budi akan melahirkan manusia yang bersifat insan atau berupaya memenuhi tuntutan nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Falsafah akal budi Melayu yang menyeluruh haruslah merangkumi tingkah laku, pemikiran, cita rasa, nilai pengetahuan, dan alam kerohanian masyarakat Melayu. Dengan perkataan lain, akal budi Melayu ialah niat, kepercayaan, perasaan, pemikiran, dan tingkah laku orang Melayu yang dicetuskan dalam menangani pelbagai masalah. Pembangunan aspek akal budi ini merupakan unsur-unsur kemanusiaan dan peradaban yang penting bagi setiap manusia serta bangsa. Tujuannya adalah untuk menjadikan manusia itu lebih berperikemanusiaan dalam membentuk kehidupan yang harmonis dan bahagia. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2017: 12-13) akal budi bermaksud bukan sahaja mempunyai akal secara lahiriah tetapi menggunakan akal, berfikiran waras, rasional dalam menuturkan bahasa dan bijak mengungkapkan makna. Bagi mereka yang berfikir sebelum bercakap lazimnya mampu mengungkapkan sesuatu yang berfaedah, bernas dan sarat dengan maklumat yang ingin disampaikan. Supyan Hussin (2018) pula menggariskan terdapat tujuh elemen penting yang mempengaruhi dan membina akal budi Melayu iaitu gaya hidup, emosi, pemikiran, budaya, falsafah, sejarah dan agama. Setiap satu elemen tersebut mempunyai nilai-nilai yang tersendiri dan saling melengkapkan.

## **LATAR BELAKANG & PERMASALAHAN KAJIAN**

Seni kata atau lirik lagu merupakan sebahagian daripada sastera popular yang dapat mempengaruhi khalayak dan masyarakat dalam setiap zaman di mana sesuatu lagu itu dihasilkan. Karya sastera dan seni pula adalah hasil bakat kreativiti, daya intelektual dan pandangan hidup dari seorang pengarang atau seniman. Seni kata lagu juga merupakan satu wadah popular dalam mengekspresikan rasa, pengalaman dan pemikiran penulisnya. Dengan keterbatasan pola tertentu yang harus diikuti, penulis seni kata masih mampu menulis dan memberi kata-kata yang bersesuaian dengan melodi lagu. Menurut Siti Zaleha M. Hashim (2005: 9), lirik atau seni kata lagu memainkan peranan yang besar dalam kejayaan sesebuah lagu. Lagu yang bertahan lama dan digemari bukan hanya disebabkan oleh melodi dan penyanyinya sahaja, tetapi juga seni katanya. Seni kata yang bermutu pula bukan hanya bergantung pada kisah yang dibawa tetapi juga kerana bahasanya yang segar serta kata-kata yang terpilih. Zurinah Hassan (2013) pula berpandangan bahawa lagu dan lirik lagu memainkan peranan yang besar di dalam kehidupan manusia. Sebagai hasil seni, lagu dan dendangannya adalah cerminan jati diri sesuatu bangsa. Oleh itu, lirik lagu bukanlah sesuatu yang boleh dianggap remeh. Lirik lagu menyumbang ke arah pembentukan minda sesuatu bangsa. Lirik lagu juga menjadi dokumentasi sejarah sosiobudaya sesuatu masyarakat. Manakala Ramli Sarip (2006: 26) berpendapat muzik khususnya lirik lagu mempunyai peranan dalam kehidupan dan memberi sumbangan ke arah pembangunan kemanusiaan.

Zainuri Misfar (2011: 17) beranggapan bahawa sebilangan seni kata lagu di tanah air ini jika diperhalusi, kaya dengan seni sasteranya, halus seni bahasanya, namun belum ada mana-mana jabatan pengajian sastera atau bahasa tampil untuk membuat apresiasi mengenai seni kata lagu sebagai sebahagian daripada karya kesusasteraan. Siso (2006: 17) pula berpendapat bahawa peranan seorang penulis lirik bukan hanya menulis lirik tetapi juga bertanggungjawab dalam perkembangan bahasa bangsanya. Kajian terhadap kematangan daya fikir penyanyi, pengetahuannya terhadap bahasa, dan peribadinya juga harus dikaji sebelum lirik itu dihasilkan. Lirik untuk nyanyian M. Nasir atau Ramli Sarip ditulis berdasarkan kematangan daya fikir dan pengalaman seni mereka. Menurut Mohd Azam Sulong (2016: 97), M. Nasir merupakan seorang karyawan muzik yang sangat prolific dan versatil. Beliau telah banyak mencipta lagu yang popular dan menggondol beberapa anugerah berprestij dalam negara Malaysia. Karya cipta M. Nasir mempunyai karakter yang tersendiri. Seni kata lagu cipta beliau banyak menggunakan bahasa artifisial. Bahasa yang disusun secara berseni yang mana penggunaannya untuk menyatakan sesuatu maksud dan mempunyai nilai estetik yang tinggi.

Penyelidikan ini bertitik tolak dari persoalan kurangnya kajian secara ilmiah dan mendalam mengenai seni kata lagu terutamanya yang melibatkan seorang tokoh seniman di dalam industri muzik Malaysia. Justeru, hasil karya seorang seniman tersohor tanah air, iaitu M. Nasir, akan menjadi sumber data untuk kajian ini. Suroso & Puji (2009: 48) berpandangan, seniman itu lebih berorientasikan pada estetika atau keindahan, harmonisasi, keserasian dan memberi dorongan semangat hidup untuk mencapai cita-cita. Ibarat manusia yang bertubuh dan berjiwa, seniman lebih cenderung sebagai jiwa dan roh yang menghidupkan badan. Menurut Payatt (2017: 8), dalam industri hiburan tempatan hari ini, individu paling layak digelar legenda ialah Datuk M. Nasir. Dalam tempoh 40 tahun kerjaya seninya, M. Nasir berjaya sebagai penyanyi, pelakon, komposer, penulis lirik, penerbit album, pelukis dan pernah mengarah filem. M. Nasir juga antara individu yang dihormati hampir semua penggiat seni tempatan. Baik yang aktif di arus perdana atau insan seni yang mementingkan unsur seni dan menolak gosip hiburan. Seni yang diketengahkan oleh M. Nasir terutamanya membabitkan lagu dan muzik ciptaannya, diterima ramai.

Kebanyakan lirik lagu Melayu terutamanya yang dihasilkan sekitar dekad 1980an hingga 2000an mempunyai kualiti dan estetikanya yang tersendiri. Hal ini demikian kerana pada waktu tersebut, industri muzik di Malaysia berkembang pesat dan begitu rancak dengan pengeluaran album serta kepelbagaian artis yang muncul di persada seni tanah air. Para karyawan serta seniman yang menghasilkan lagu serta lirik, bersaing sesama sendiri untuk memberi hasil yang terbaik dan berkualiti kepada khalayak. Antara artis yang memberi kelainan di dalam setiap karya album mereka adalah kumpulan *Kembara*. Menurut Ku Seman (2014) kumpulan *Kembara* mengisi vakum lagu-lagu Melayu yang ada signifikan dengan sosialisasi di Kuala Lumpur awal dekad 1980an. *Kembara*

menyanyikan lagu-lagu sosial tentang kehidupan, kerakusan kota dan tidak terkecuali pengabdian insan kepada Tuhan dalam apa keadaan sekalipun.

*Kembara* ditubuhkan di Singapura kemudian melintasi Tambak Johor dengan kemasyhuran *Ekspres Rakyat* pada tahun 1981. *Kembara* mengangkat suara-suara kecil yang terlindung. Popularnya lagu mereka memberi harapan keperitan warga marhaen juga turut dihayati para menteri kita (Ku Seman, 2014). *Kembara* generasi pertama yang dianggotai M. Nasir, A. Ali dan S. Sahlan memiliki tiga album iaitu *Kembara* pada 1981, *Perjuangan* (1982) dan *Generasiku* (1983). A. Ali dan S. Sahlan kemudian meninggalkan *Kembara* dan M. Nasir merekrut Zoul yang juga adiknya, Cheman, Md. Shah dan Shahrom sebagai anggota *Kembara* generasi kedua. Mereka menghasilkan empat album, iaitu *Seniman Jalanan* pada 1984, *1404 Hijrah* (1984), *Duit* (1985) dan *Lagu-lagu Dari Filem Kembara Seniman Jalanan* (1986). Sejak ditubuhkan, *Kembara* sinonim dengan genre *pop*, *folk* dan *rock* serta mengangkat konsep *buskers* atau pemuzik jalanan sebagai satu cara mendekati peminat (Amirah Amaly, 2014).

Menurut Hairul Anuar Harun dalam Nurul Fadila (2017: 42) kebanyakan lagu yang dihasilkan M. Nasir sewaktu menganggotai *Kembara* mahupun dalam album *S.O.L.O.* lebih menjurus ke arah puisi tentang kritikan sosial terhadap latar masa dan kejadian pada ketika itu. Menyentuh tentang nilai sosiobudaya, meskipun lirik lagu yang dihasilkan jelas menunjukkan kritikan terhadap sesuatu perkara, namun M. Nasir berjaya menjadikan teguran tersebut tidak terlalu ketara kerana masih tetap mengekalkan kesantunan. Adil Johan (2018: 155) berpandangan bahawa lagu-lagu kumpulan rock seperti *Kembara* telah membangkitkan kesedaran sosial tentang isu-isu yang dihadapi oleh orang Melayu muda bertemakan cabaran sosio-ekonomi pekerja kelas bawahan atau kolar biru akibat migrasi dari luar bandar ke bandar. Selain daripada tema sentimental terdapat banyak lagu yang bertemakan isu-isu sosial seperti perbezaan darjat, perjuangan harian golongan pekerja, pembangunan yang semakin pesat dan sebagainya. Ku Seman (2014) pula berpendapat, *Kembara* sangat memahami getir hidup golongan marhaen dan gelandangan. Lagu *Kembara* bukan eskapisme daripada realiti pahit kepada kemanisan yang palsu seperti filem Hindustan. *Kembara* menipu harapan bahawa kepahitan adalah kemanisan yang tertunda. Mereka berjiwa besar dan tidak merintih nasib.

Muhammad Abi Sofian (2012: 32) berpandangan, kreativiti sesebuah karya seni orang Melayu bukan hanya dilihat dari aspek estetika dan kehalusan buaatannya, malahan turut merangkumi peranannya sebagai medium dalam komunikasi budaya orang Melayu sama ada antara manusia sesama manusia, manusia dengan Ilahi mahupun manusia dengan alam ghaib. Hubungan komunikasi ini diolah melalui simbol dalam karya seni dengan makna yang tersurat dan tersirat. Sejarah karya muzik yang diamalkan dalam budaya Melayu ini berperanan sebagai hiburan dan nasihat. Menurut Maniyamin (2006: 199) mengkaji seni orang Melayu sebenarnya mengkaji seluruh kehidupan orang Melayu itu sendiri. Di dalamnya tersembunyi hati dan jiwa orang Melayu. Dengan menerokanya kita akan menemui perasaan dan pemikiran Melayu, *world-view*, kegiatan sosiobudaya, sains, kepercayaan, sistem ekonomi, sistem politik, kemasyarakatan, dan segala macam perihal tentang orang Melayu.

Seni kata lagu terutamanya yang mengetengahkan tema masyarakat marhaen dan sosial orang Melayu, harus diangkat dan diiktiraf sebagai salah satu cabang sastera di Malaysia kerana estetika dan kepelbagaian kisah yang boleh didapati dalam seni kata lagu tersebut. Di luar negara, seni kata lagu sudah kerap menjadi subjek penyelidikan sama ada di peringkat tugas kursus mahupun tesis kesarjanaan serta doktor falsafah. Seni kata lagu adalah satu medium sastera yang sangat dekat di hati masyarakat terutamanya untuk mengenal aspek kesusasteraan yang lebih santai tetapi mempunyai makna yang mendalam. Menurut Adil Johan (2018: 155), muzik popular memainkan peranan yang penting dalam membolehkan individu mahupun masyarakat untuk mendalami pengalaman sosial dan emosi ke arah pemahaman perasaan, pengalaman sendiri dan orang lain. Muhammad Haji Salleh (1999: 584) menyifatkan bahawa sastera juga ialah hiburan intelektual. Karya puisi, drama dan prosa, dapat menghibur dari segi akhlah, membawakan pengalaman hidup yang dapat dianalisis untuk dihayati. Analisis inilah yang mengandungi unsur intelektual itu kerana sastera bukan sahaja memerikan, tetapi menilai hidup melalui watak, penceritaan dan bahasanya.

Mana Sikana (1996: 148) pula berpendapat, seni muzik ialah cabang kebudayaan yang sama penting dengan seni sastera. Muzik juga dapat meninggikan daya pemikiran sesuatu bangsa serta merubah sikap hidup ke arah pencapaian peradaban yang bererti. Ahli-ahli psikologi menyifatkan muzik bukan sahaja alat penghibur tetapi juga sebagai agensi pembelajaran yang mempunyai kuasa

tersendiri. Muzik dikatakan sangat rapat hubungannya dengan jiwa. Ia adalah permainan perasaan yang diwujudkan oleh bunyi-bunyi yang terhasil daripada suatu alat atau gabungan beberapa alat yang melahirkan nada, irama, dan lagu. Manakala Zurinah Hassan (2006: 20) berpandangan lirik lagu juga boleh menjadi dokumentasi kepada perjalanan bangsa yang melahirkannya. Di sebalik lirik lagu Melayu akan terkesan pelbagai peristiwa pergolakan dan fenomena sosial budaya yang telah kita tempuh.

Untuk membuktikan bahawa seni kata lagu bukanlah sebuah karya picisan dan mampu mencabar pemikiran, tamadun keilmuan dan keintelektualan bangsa Melayu, kajian ini akan mengupas dan membicarakan tentang kehidupan rakyat marhaen amnya dan menumpukan kepada aspek perjuangan hidup khususnya, dari perspektif akal budi Melayu melalui analisis lirik lagu yang dihasilkan oleh seniman hebat M. Nasir ketika beliau bersama dan menganggotai kumpulan *Kembara* sekitar tahun 1980an. Menurut Akmal Abdullah (2009) mereka yang memahami lagu M Nasir akan tahu beliau menyanyi bukan sekadar menyanyi tetapi mengalunkan irama secara berfalsafah - mengenai persoalan kehidupan, ketuhanan, kemanusiaan, kasih sayang dan patriotisme. Bukan itu saja, malah daripada lagunya juga kita akan mempelajari sesuatu mengenai sejarah, tamadun, politik, geografi, kritikan sosial, budaya dan warisan bangsa.

## SKOP KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan teks. Kaedah ini dipilih kerana bersesuaian dengan penyelidikan yang dijalankan melibatkan proses pengumpulan data dan analisis data. Sebanyak 10 buah lirik lagu dari enam buah album *Kembara* akan menjadi sumber data untuk kajian ini dan kesemua lagu tersebut adalah hasil ciptaan sepenuhnya (lagu dan seni kata) oleh M. Nasir. Perincian senarai lagu yang dipilih, dipaparkan seperti dalam Jadual 1.1.

### Jadual 1.1

Senarai Judul Seni Kata Lagu Kajian

#	JUDUL LAGU	ALBUM	TAHUN	KOD LAGU
1.	<i>Hati Emas</i>	<i>Kembara</i>	1981	HE
2.	<i>Perjuangan</i>	<i>Perjuangan</i>	1982	PER
3.	<i>Impian Seorang Nelayan</i>	<i>Perjuangan</i>	1982	ISN
4.	<i>Jalan Sehalu</i>	<i>Generasiku</i>	1983	JS
5.	<i>Gerhana</i>	<i>Generasiku</i>	1983	GER
6.	<i>Impian Anak Jalanan</i>	<i>Seniman Jalanan</i>	1984	IAJ
7.	<i>Kami Orang Melayu</i>	<i>1404 Hijrah</i>	1984	KOM
8.	<i>Rupa Tanpa Wajah</i>	<i>Dari Filem Kembara Seniman Jalanan</i>	1986	RTW
9.	<i>Siapa Orang Kita</i>	<i>Dari Filem Kembara Seniman Jalanan</i>	1986	SOK
10.	<i>Sesat Di Kuala Lumpur</i>	<i>Dari Filem Kembara Seniman Jalanan</i>	1986	SDKL

## ANALISIS DAN DAPATAN

Data dalam bentuk kualitatif ini, akan dianalisis dan dibincangkan hasil dapatannya. Perbincangan dibuat secara deskriptif melalui kaedah analisis kandungan teks serta berpandukan kepada pemilihan diksi yang digunakan oleh pengkarya.

## PERJALANAN DALAM PERJUANGAN HIDUP

Kumpulan *Kembara* sememangnya terkenal dengan lagu-lagu yang bertemakan perjalanan dalam perjuangan kehidupan dari pelbagai aspek. Kata ‘kembara’ itu juga boleh diertikan dengan musafir atau melakukan suatu perjalanan. *Kamus Dewan* edisi keempat (2007: 731) mendefinisikan kembara bermaksud pergi ke mana-mana dengan tidak tetap tempat kediaman dan tidak tentu pula tempat yang ditujui. Menurut A. Latiff Mohidin dalam Abdul Ghafar Ibrahim (2010: 8) mengembara merupakan satu proses penghidupan yang panjang tapi *intense* (hebat). Waktu mengembara akan dapat melihat dan merasai pelbagai rintangan, kesedihan, kegirangan, kekalahan, kemenangan, kematian dan ketakjuban. Pengembaraan bukan harus dikagumi. Mengalami nilai-nilai baharu dalam hidup waktu mengembara itu yang mengagumkan. Manusia yang teguh pendiriannya, pasti tahu dan sedar ke mana arah tujuan dalam perjalanan kehidupannya. Ini dapat dilihat dari lagu ‘*Hati Emas*’, ‘*Perjuangan*’, ‘*Impian Anak Jalanan*’ dan ‘*Gerhana*’.

<i>berjalan di tanah gersang</i>	(HE: rangkap 1, baris 1)
<i>kembara</i> <i>puas sudah ku mengembara</i>	(HE: rangkap 4, baris 1-2)
<i>tiada lain tujuan ku</i> <i>hati emas yang ku cari</i>	(HE: rangkap 2, baris 1-2)
<i>satu demi satu</i> <i>ku atur langkah ku</i> <i>meskipun perlahan tapi tegas</i>	(PER: rangkap 1, baris 1-3)
<i>tapi aku kan tetap berjalan</i> <i>menuju tujuan ku di sana</i>	(IAJ: rangkap 2, baris 1-2)
<i>kini ku berlari jauh</i> <i>tapi kau masih mencari</i>	(GER: rangkap 6, baris 1-2)

Perjalanan waktu itu sendiri adalah simbolis perjalanan hidup manusia yang penuh cabaran dan dugaan. Semua itu adalah iktibar dan ibarat untuk manusia mencari kemanusiaannya (Mohd Yusof Hasan, 2009: 143). Ada ketikanya di dalam perjalanan hidup, kita tidak pasti dan keliru dengan perjalanan kita itu sendiri. Adakah benar dan tepat arah tujuan itu atau hanyalah permainan jiwa untuk mencari arah yang lebih pasti dan penuh kebenaran. Menurut Muhammad Lutfi Ishak (2016: 50), takrifan kepada kebenaran sangat akrab dengan pandangan alam. Dalam konteks pandangan alam Islam, kebenaran itu sentiasa berkait rapat dengan tiga soalan asasi kehidupan, iaitu dari mana kita berasal, untuk apa kita hidup dan ke mana kita akan tuju selepas ini.

Fasa kekeliruan dalam perjalanan hidup ini sering berlaku ketika waktu remaja atau dalam proses peralihan kedewasaan. Apatah lagi apabila ia melibatkan para ‘pengembara’ terutamanya orang Melayu, yang keluar dari desa mencari rezeki dan cuba mengubah nasib hidup lalu bekerja di kota. Perasaan keliru, tidak menemui atau tidak tahu apa sebenarnya yang dicari, tidak pasti arah tujuan, seakan sesat haluan dan sebagainya ini dirungkaikan oleh M. Nasir dalam pelbagai lirik lagunya seperti yang dapat kita lihat seperti yang di bawah;

<i>kini ku <b>tak tahu</b> di manakah aku</i>	(JS: rangkap 1, baris 3-4)
<i>damaikanlah jiwa ini dalam kesangsian ku <b>terus kembara</b></i>	(RTP: rangkap 1, baris 1-2)
<i><b>berjalan tanpa ikut haluan</b></i>	(RTP: rangkap 4, baris 3)
<i>telah ku <b>jelajah</b> semua benua semua <b>jalan berliku</b></i>	(JS: rangkap 5, baris 1-2)
<i><b>ke mana pula destinasi</b> atau sudah disuratkan <b>begini</b></i>	(KOM: rangkap 1, baris 3-4)
<i>laut pun bergoncang nelayan tersentak biduk <b>sesat haluan</b></i>	(ISN: rangkap 3, baris 2-3)
<i><b>sesat di Kuala Lumpur</b> dosa dan pahala <b>bercampur</b></i>	(SDKL: rangkap 1, baris 1)
<i><b>mungkin ada jalan</b> di Kuala Lumpur jalan kebahagiaan</i>	(SDKL: rangkap 1, baris 1)
<i>kisahanya di hujung dunia mengapa <b>tak ku temui</b></i>	(HE: rangkap 2, baris 3-4)
<i><b>mencari</b> hati emas bukannya mudah mungkin selamanya <b>tak akan aku temui</b></i>	(HE: rangkap 6, baris 5-7)
<i><b>bingung</b> terasa melihat arahan di papan tanda tapi <b>tak satu pun memberi pedoman</b></i>	(JS: rangkap 2, baris 1-3)
<i><b>biduk hanyut</b> dibawa ombak Laut China Selatan</i>	(ISN: rangkap 1, baris 5)
<i>sang <b>mentari terlindung</b> <b>pantai tak kelihatan</b></i>	(ISN: rangkap 3, baris 4-5)

Kekeliruan orang Melayu dalam menangani kemelut ekonomi dan diri sendiri, nyata sesuatu yang membingungkan apatah lagi ketika zaman lagu-lagu ini tercipta adalah pada waktu negara sedang mula hendak membangun. A.S. Hardy Shafii (2017: 134) berpendapat, kacau bilau dalam minda masyarakat Melayu dalam menghadapi masa hadapan yang tidak pasti telah mengakibatkan dilema di segenap lapisan masyarakat Melayu. Golongan miskin, kaya, orang tempatan, imigran, para intelek dan yang kurang berpendidikan, semuanya berada dalam dilema arah tuju mereka. Di manakah arah tuju yang mahu digapai oleh orang Melayu tidak menentu destinasi apatah lagi dengan cabaran daripada segala sudut tentang ketuanan di tanah sendiri. Apa yang lebih merisaukan lagi ialah tentang dilema orang Melayu ini telah menjurus kepada cetusan konflik dalam kaum Melayu itu sendiri. Manakala, menurut Abdul Rahman Napiah (2006: 42), masyarakat Melayu dewasa ini, sedang berada dalam satu keadaan yang gawat, pincang, kosong dan membingungkan. Kemerdekaan

yang dicapai dan perancangan pengisiannya yang diatur oleh kerajaan, tidak berjalan seperti yang diharapkan; malah menimbulkan penyakit-penyakit baharu yang lebih kronik dan parah.

## CABARAN DALAM PERJUANGAN HIDUP

Pelbagai cabaran dalam perjuangan hidup seseorang manusia itu, dibicarakan dengan baik sekali oleh M. Nasir. Sewajarnya lirik-lirik lagu yang mengutarakan persoalan cabaran kehidupan ini harus difikirkan dengan lebih mendalam oleh khalayak terutamanya masyarakat Melayu dengan menggunakan akal budi mereka. Bangsa yang baik sering mendahului pemikiran untuk mempertimbangkan yang wajar dan benar dari mengikut emosi semata dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Hassan Ahmad merumuskan dalam Za'ba (2016: vii), bahawa kemunduran orang Melayu disebabkan sebahagian besarnya kerana mereka tidak percaya pada kebolehan diri sendiri, lemah cita-cita, kurang hemah dan terlalu menggantungkan diri dan harapan kepada orang lain. Orang Melayu lebih cenderung meminta bantuan dan pertolongan orang lain. Namun, menurut Idris Zakaria (1991: 210), baik atau tidak sesebuah masyarakat dan negara itu menurut falsafah Al-Farabi adalah bergantung pada perilaku dan pemikiran serta perjuangan warganya.

*mentari mencengkam dada  
debu-debu di jalanan  
menjadi teman setia* (HE: rangkap 1, baris 2-4)

*saat demi saat  
masa hampir tamat  
masih banyak yang perlu diperlaku* (PER: rangkap 2, baris 1-3)

*gelora jiwa ku  
dalam perjuangan  
bagai musafir yang sedang kehausan* (PER: rangkap 3, baris 1-3)

*rintangan yang harus ku tempuhi  
bukan hanya yang berada di luar  
apa yang lebih aku takuti  
adalah godaan yang ada di dalam* (PER: rangkap 5, baris 1-4)

*perjuangan ku penuh pahit getir  
tiada kejayaan tanpa pengorbanan* (PER: rangkap 6, baris 3-4)

*oh! bilakah  
gerhana kan pergi dari sisi ku  
pergilah engkau dengan janji-janji palsu mu* (GER: rangkap 4, baris 1-3)

Menggunakan bahasa kiasan dan perlambangan terhadap cabaran seperti frasa-frasa di atas memperlihatkan kematangan M. Nasir dalam menggunakan bahasa yang berseni walaupun pada ketika seni kata dan lagu itu ditulis, beliau masih lagi agak baharu berkecimpung di dalam dunia seni. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2017: 60) dari akal budi yang bijaksana disalurkan melalui bahasa yang indah akan melengkapkan diri seorang Melayu. Demi memahami susuk gaya akal budi Melayu yang metafora sifatnya menuntut pencernaan yang jitu. Setiap ungkapan membawa maksud tersirat yang mesti dicungkil dengan 'mata hati'. Ketidakmampuan pembaca memahami maksud yang tersirat ini, tidak memungkinkan mereka memahami akal budi Melayu yang halus ini. Salehuddin Mohamad (2006: 391) berpandangan, kata-kata yang baik dapat menegakkan prinsip, menghidupkan roh, mendorong roh, mendorong pergerakan setiap generasi dan membina bangsa. Kata-kata yang baik



merupakan jalan untuk bekerja, mengambil manfaat daripada masa lalu dan semangat yang mendorong pada hari ini serta harapan yang dijanjikan pada masa hadapan.

Seniman melalui seninya sering mempersembahkan dirinya sendiri sebagai manusia moden yang bermasalah yang terasing dan yang kehilangan pegangan (A Teeuw, 1984: 84). Ada juga lirik lagu karya M. Nasir yang lebih telus dan jujur dalam memperkatakan tentang cabaran yang sering dihadapi oleh orang Melayu. Antara cabarannya ialah perubahan perilaku manusia apabila telah dipengaruhi oleh kebendaan dan tipu daya untuk mencapai segala matlamat dengan cara yang mudah dan tidak bersih. Bertepatan dengan pendapat Suroso & Puji (2009: 54), bahawa kemerdekaan negeri ini yang telah diperjuangkan oleh pahlawan-pahlawan bangsa dan mereka rela berkorban jiwa dan raga demi tanah tumpah darahnya, perlu diisi dengan pembangunan moral bangsa, misalnya oleh orang-orang jujur, bertanggungjawab dan berani menyatakan yang benar itu benar dan yang salah itu salah. Kenyataan yang dihadapi orang Melayu terhadap cabaran dan godaan duniawi inilah yang diketengahkan oleh M. Nasir dalam lagu-lagu seperti '*Kami Orang Melayu*', '*Rupa Tanpa Wajah*', '*Siapa Orang Kita*' dan '*Sesat Di Kuala Lumpur*'.

- kami orang Melayu*  
*dari rumpun yang satu*  
*ada cabaran di hadapan* (KOM: rangkap 3, baris 1-3)
- kalau terlalu banyak berangan*  
*nanti tersungkur di tengah jalan* (KOM: rangkap 5, baris 1-2)
- wajah pura-pura*  
*bertopengkan wira*  
*menari tanpa ikut irama* (RTP: rangkap 5, baris 1-3)
- manakah teman-teman ku*  
*yang sama berjuang dahulu* (SOK: rangkap 1, baris 1-2)
- kebendaan menggelapkan*  
*lupa dengan perjuangan* (SOK: rangkap 2, baris 1-2)
- manakah semangat dulu*  
*atau hanya helah mu* (SOK: rangkap 3, baris 1-2)
- mungkin kita akan jadi kaya dalam lumpur*  
*mungkin kita akan terpedaya* (SDKL: rangkap 4, baris 1-2)
- mungkin kita akan jadi alpa serta lupa*  
*dan mungkin kita kan terpedaya* (SDKL: rangkap 6, baris 1-2)

Manusia perlu mencari dan berjalan sama ada di jalan yang benar, atau di jalan yang sesat. Pelbagai ujian dan cabaran juga harus ditempuhi. Menurut Syed Mohd Zakir (2006: 459) tujuan mengangkat apa yang buruk dan sengsara daripada kehidupan masyarakat itu bukanlah satu tindakan yang sengaja untuk memperlihatkan kelemahan atau kebodohan mereka. Tetapi sebaliknya memandangkan apa yang buruk dalam kehidupan rakyat, nanti akan dapat dicari sebab-sebab timbulnya keburukan itu dari mana punca keburukan yang sedang menimpa seluruh rakyat Melayu. Abdul Rahman Napiah (2006: 44) pula berpandangan segala peristiwa kemasyarakatan itu baik yang telah menjadi sejarah atau yang sedang dilalui akan menggambarkan fenomena-fenomena sosial, budaya, ekonomi, politik dan pelbagai dimensi kehidupan yang lainnya.

## HARAPAN DALAM PERJUANGAN HIDUP

Pastinya dalam setiap perjalanan dan perjuangan hidup yang penuh dengan cabaran ini, akan mencetus juga pengharapan yang baik dan hasrat untuk mencapai matlamat yang diinginkan oleh setiap individu mahupun sesuatu bangsa. Menurut M Chairul (2016: 41), manusia sangat mempunyai hasrat yang tinggi apabila dibandingkan dengan makhluk hidup yang lain. Hasrat untuk selalu menambah hasil usahanya demi mempermudah lagi perjuangan hidupnya yang menimbulkan perekonomian dalam lingkungan kerjasama lebih teratur. Nurhalwa Ziemah (2017: 14) menyatakan bahawa sosioekonomi ialah interaksi antara kehidupan sosial masyarakat dengan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh mereka. Bagi masyarakat Melayu, kegiatan ekonomi sangat penting sebagai jaminan untuk mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Kehidupan kita dalam dunia ini ialah kehidupan beramal atau bekerja, kehidupan berjuang dan berlawan-lawan seperti perlumbaan. Tiap-tiap seorang hendaklah menjalankan bahagiannya sendiri dengan tidak bergantung pada orang akan menyempurnakannya. Ia sendiri mestilah merasa bertanggungjawab bagi menyempurnakan kewajipan dirinya dan tanggungan dirinya dalam perjuangan dan perlumbaan itu (Za'ba, 2016: 3). Maka itu, apa pun yang terjadi di dalam kehidupan ini, hidup harus diteruskan selagi manusia masih bernyawa. Orang Melayu harus mempertahankan apa yang telah menjadi milik mereka dan semangat untuk terus berjuang, perlu disuburkan walaupun ada ketikanya semangat itu dirintangi oleh dugaan serta cabaran yang mendatang. Sewajarnya setiap pengorbanan yang dilakukan oleh diri sendiri mahupun orang lain, harus dikenang dan diberi penghargaan. Segala persoalan ini dibentangkan dengan begitu baik sekali oleh M. Nasir di dalam lagu seperti frasa-frasa yang berikut;

- mungkinkah dikau **miliki**  
hati emas murni suci  
ingin ku menjadi sahabat mu  
hingga akhir hayat nanti* (HE: rangkap 5, baris 1-4)
- tapi kita **perlu hidup**  
kita perlu **terus hidup*** (SDKL: rangkap 1, baris 3-4)
- inilah masanya  
aku **mempertahankan**  
apa yang selama ini **milik ku*** (PER: rangkap 4, baris 1-3)
- kau mampu patahkan sayap ku  
kau mampu tambatkan kedua kaki ku  
tapi kau **tak akan dapat**  
**mematahkan semangat ku untuk hidup*** (IAJ: rangkap 1, baris 1-4)
- demi masa depan** yang cemerlang  
**semoga** aku diberi **pedoman*** (IAJ: rangkap 5, baris 3-4)
- pengorbanan** yang kau lakukan  
ada **balasannya*** (ISN: rangkap 2, baris 5-6)
- pengorbanan** ayah mu sayang  
jangan kau **lupakan*** (ISN: rangkap 5, baris 4-5)

Apabila suatu masyarakat dan individu-individu dalam masyarakat, tidak mengenal dirinya yang sebenar, maka dia akan jatuh menjadi mangsa permainan bangsa lain. Segala pekerjaan yang dilakukan adalah untuk memenuhi keinginan, harapan dan inspirasi bangsa lain, bukan untuk

memenuhi harapan dan aspirasinya sendiri (Abdul Hadi, 1999: 45). Pesanan dan harapan khususnya kepada orang Melayu untuk terus berjuang serta tidak lalai dengan keduniaan juga ditekankan oleh M. Nasir. Seruan agar orang Melayu mengenal sejarah bangsa serta mempertingkatkan keilmuan untuk terus berjuang dalam membangunkan kehidupan juga, disampaikan dengan bersahaja tanpa menyinggung perasaan orang Melayu itu sendiri. Sesuai dengan pendapat Sufean Hussin (2002: 33) bahawa pembangunan bermakna kemajuan tamadun dan budaya, daripada daif dan jahil kepada keadaan hidup serba canggih dan berperadaban tinggi. Pembangunan masyarakat dan negara meliputi dimensi pentadbiran, teknologi, ekonomi, sikap, ilmu, pemikiran, seni budaya, moral dan kualiti kehidupan, yang memerlukan pendidikan dan pembangunan akal budi seseorang manusia yang dapat mengatur kehidupan dengan lebih baik.

*orang-orang Melayu  
kenallah sejarah mu* (KOM: rangkap 6, baris 1-2)

*bagaimana nak mengubah nasib  
kalau fikiran kita sempit* (KOM: rangkap 2, baris 1-2)

*aku dan mereka sama  
punya hati dan punya cita-cita  
kota ini tempat ku belajar erti hidup* (RTP: rangkap 2, baris 3-4)

*mungkin kita kan temui  
kebahagiaan di Kuala Lumpur* (SDKL: rangkap 3, baris 1-2)

Perjalanan hidup seorang manusia harus dirancang walaupun segalanya telah ditentukan oleh qada dan qadar Allah. Perancangan tersebut haruslah bertujuan dan mempunyai misi yang perlu disempurnakan. Mempunyai kesedaran pada kekuatan dan kelemahan yang ada di dalam diri serta mempergunakan segala kekuatan tersebut sama ada dari segi keringat dan semangat untuk terus berusaha memenuhi segala kekurangan dan kekosongan yang ada di dalam hidup. Nurhalwa Ziemah (2017: 14) berpendapat bahawa dalam pekerjaan, masalah dan cabaran sentiasa wujud, ibarat penghalang yang dapat mematikan semangat untuk bekerja. Namun begitu, masyarakat Melayu tidak menjadikan masalah serta cabaran sebagai penghalang untuk mereka mencari rezeki kerana mereka lebih memikirkan tuntutan tanggungjawab dan ibadah. Menurut Abdul Hadi (1999: 201) tujuan hidup bagi seseorang beragama adalah merealisasikan cinta kepada Tuhan dalam kehidupan sosial. Dalam karya M. Nasir yang menjadi sumber data kajian ini, ada beberapa lirik lagu yang memberi pengharapan dan doa agar segala urusan perjalanan hidup, dipermudahkan dan diberi perlindungan oleh Allah SWT.

*dalam hatiku  
hanya tersimpan hasrat ingin pulang* (JS: rangkap 3, baris 1-2)

*langkah ini takkan ku patahkan  
kerana ku telah melihat cahaya* (JS: rangkap 6, baris 1-2)

*sang mentari terlindung  
pantai tak kelihatan  
tawakal jalan akhirnya* (ISN: rangkap 3, baris 4-6)

*doa sejahtera (selamat) kami pohonkan  
pada Tuhan Maha Kuasa* (SDKL: rangkap 2, baris 2-3)

*hanya naluri dan pedoman dari Yang Maha Kuasa  
menjadi pegangan hidup walau di mana ku berada* (JS: rangkap 4, baris 1-2)

*ku mohon perlindungan-Mu Yang Esa* (IAJ: rangkap 3, baris 3)

Secara dasarnya, setelah menganalisis karya M. Nasir dalam kumpulan *Kembara* ini, beliau berjaya membawa hasil seninya untuk dimanfaatkan kepada masyarakat khususnya orang Melayu. Memberi penceritaan yang lebih bermakna dengan menyelitkan pesan-pesan agar orang Melayu harus kuat serta berani menempuh setiap cabaran yang mendatang. Menurut Syed Mohd Zakir (2006: 469), penulis ialah seorang pemikir, seorang perenung yang teliti terhadap kehidupan masyarakat dan sekelilingnya. Dia mesti mengenal masyarakatnya dan untuk itu, dia tidak boleh hidup terpisah daripada masyarakat. Dia perlu mempelajari masyarakatnya dan menafsirkannya. Manakala Maniyamin (2006: 204) berpendapat bahawa seni yang baik ialah seni yang dapat membantu membina hidup manusia. Di samping berbangga dengan hasil seni, mereka dapat memanfaatkan hasil seni tersebut. Suroso & Puji (2009: 144) pula berpandangan bahawa apabila persoalan masalah sosial dan politik itu terpaksa diungkapkan (oleh para seniman), mereka harus membungkusnya secara baik dengan pelbagai simbol, personifikasi dan bentuk kiasan yang lain secara estetik.

M. Nasir telah berjaya menghasilkan karya bermutu dengan cara yang penuh estetik, simbolik, bermakna dan bermanfaat. Setiap lagu di dalam album-album *Kembara* terutamanya ciptaan penuh M. Nasir, mempunyai penceritaan dan perasaan yang tersendiri. Penceritaan yang meliputi aspek dalaman (diri) dan juga aspek luaran (sosial). Perasaan yang mewakili anak muda pada masa itu dan juga mampu menyelami perasaan rakyat marhaen tentang perjuangan serta cabaran hidup. Dalam temu ramah bersama Siti Zaleha Hashim (1986: 31) apabila ditanya apa yang difikirkan dan dirasakan ketika mencipta karya, M. Nasir berkata;

*“Saya tidak boleh nafikan bahawa bila saya mencipta, setengahnya saya fikirkan sama ada lagu ini boleh jual atau tidak. Itu sebab orang bertanya kenapa lagu-lagu Alleycats senang laku dan Kembara agak susah. Mungkin sebab saya lepaskan ego saya pada Kembara. Itulah kenyataan sekarang antara perniagaan dan kepuasan diri dan kreativiti. Ilham perlu dalam ciptaan tetapi yang lebih perlu adalah asas. Jangan gunakan perasaan sepenuhnya. Kita harus menggunakan fikiran dan teknik.”*

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, analisis 10 buah lirik lagu karya sepenuhnya oleh seniman M. Nasir di dalam album *Kembara* ini menemukan beberapa aspek yang boleh diperluaskan dan diperbincangkan dengan lebih mendalam lagi. Konsep perjuangan hidup melalui perspektif akal budi Melayu ini mampu dilihat dan diperjelaskan walaupun seakan tidak begitu ketara kerana disulami dengan kiasan dan perlambangan yang nampak lebih universal sifatnya. Sedangkan antara unsur akal budi Melayu itu sendiri adalah kiasan dan tutur yang lembut tetapi sangat menikam dalam maknanya. Maka itu, sewajarnya seni kata lagu diangkat dan diiktiraf sebagai salah satu cabang sastera di Malaysia kerana nilai estetika dan kepelbagaian tema yang boleh didapati dalam sesebuah seni kata lagu.

Ramai manusia yang tersesat dalam perjalanan hidup. Tak tahu ke mana haluan dan yang paling malang adalah tidak tahu bagaimana mahu kembali ke pangkal jalan. Cabaran dan dugaan inilah yang harus dihadapi dengan pemikiran yang waras serta bernas. Pasti juga setiap cabaran di dalam perjuangan hidup itu, akan menunaskan harapan untuk mendapat rahmat dan nikmat dari Allah dan akhirnya menemukan apa yang dicari selama ini. Maka itu kita harus terus berjalan, mengembara dan berjuang demi meneruskan kehidupan.

*“Sungguh aku melihat air yang bergenang dan terhenti, memercikkan bau yang tidak sedap. Andaikan saja ia mengalir, air itu akan terlihat bening dan sihat. Sebaliknya, jika engkau biarkan air itu bergenang, ia akan membusuk.”*

Wasiat Imam Asy-Shafi'i dalam Salman Al-Audah (2016: 83) ini harus kita hayati mengenai pentingnya manusia itu sentiasa bergerak dan melakukan perjalanan atau penghijrahan dalam hidup. Pengembaraan dan perjuangan hidup sangat dituntut agama terutamanya ke arah kebaikan dan mencari keredhaan Allah.

## RUJUKAN

- A Teeuw (1984). *Sastera dan ilmu sastera: Pengantar teori sastera*. Bandung: Pustaka Jaya.
- A.S. Hardy Shafii (2017). *Patung-patung: kearifan tempatan dalam menterjemah dilema Melayu melalui pementasan drama eksperimental Malaysia dekad 1970-an dalam Akal budi Melayu dalam bahasa dan sastera moden* (Rahimah A. Hamid & A.S. Hardy Shafii, Penyunting). Pulau Pinang: Penerbit SM.
- Abdul Ghafar Ibrahim (2010) *Dialog seniman dunia*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Abdul Hadi W.M. (1999). *Kembali ke arak kembali ke sumber: Esai-esai sastra profetik dan sufistik*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Abdul Rahman Napiah (2006). *Tamu di Bukit Kenny karya Usman Awang: Daripada perspektif teori teksdealisme dalam Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang* (Mohd Amran Daud & Muhammad Ikhran Fadhly Hussin, Penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adil Johan (2018). *Muzik popular Malaysia: perangsang dan pelantar sosial integrasi nasional*. Kertas kerja dibentangkan pada *International Colloquium on Integration Platform*, Hotel Bangi, Putrajaya. 15 November 2018.
- Akmal Abdullah (2009, Mac 1). Mungkin konsert solo terakhir M. Nasir? *Berita Minggu*.
- Amirah Amaly Syafaat (2014, September 21). Kurang bergaul, gemar menyendiri. *Utusan Malaysia*.
- Idris Zakaria (1991). *Teori politik Al-Farabi dan masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ku Seman Ku Hussain (2014, Disember 7). Kembara, M. Nasir dan senandung hidup rakyat. *Utusan Malaysia*.
- M Chairul Basrun Umanailo (2016). *Ilmu sosial budaya dasar*. Kediri: Fam Publishing.
- Mana Sikana (1996). *Falsafah dan seni kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maniyamin Ibrahim (2006). *Menggali keintelektualan silam membina seni masa kini dalam Persuratan dan peradaban nasional*. (Mohamad Saleh Rahamad, S.M. Zakir Eds., Penyelenggara) Kuala Lumpur: PENA.
- Mohd Azam Sulong (2016). *Unsur-unsur gaya bahasa dalam seni kata lagu Melayu terbaik karya cipta M. Nasir*, Kertas Kerja dibentangkan pada *Seminar Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu Asean ke 3*. Universiti Fatoni, Thailand 25-26 Mei 2016.
- Mohd Yusof Hasan (2009). *Pemikiran global sasterawan negara Shahnnon Ahmad*. Tanjong Malim: Penerbit UPSI.
- Muhammad Abi Sofian Abdul Halim (2012, Mei). Muzik simbolisme budaya Melayu. *Dewan Budaya*, 32-35.
- Muhammad Haji Salleh (1999). *Menyeberang sejarah: kumpulan esei pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Lutfi Ishak (2016, Mac). Kebijakan dalam sekeping lukisan. *Tunas Cipta*. 50-51.

- Nor Hashimah Jalaluddin (2017). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nurhalwa Ziemah (2017, September). Refleksi pemikiran dalam lagu rakyat. *Tunas Cipta*, 12-15.
- Nurul Fadila Awaludin (2017, Disember 23). Diskusi kembara muzik solo M. Nasir. *Kosmo*.
- Payatt (2017, Disember 23). M. Nasir yang versatil. *Harian Metro*, 8.
- Ramli Sarip (2006, Mei). Citra bangsa dalam lirik. *Dewan Budaya*, 26-28.
- Salehuddin Mohamad (2006). *Tulisan Jawi: pengkanunan semula dalam Persuratan dan peradaban nasional* (Mohamad Saleeh Rahamad, S.M. Zakir Eds., Penyelenggara) Kuala Lumpur: PENA.
- Salman Al-Audah (2016). *Jejak teladan bersama empat imam madzhab*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil & Ghazali Lateh (2015). Pemikiran akal budi dan sosiobudaya Melayu dalam pendidikan kesusasteraan Melayu. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1-10.
- Siso (2006, Mei). Kami jujur mengangkat martabat bangsa. *Dewan Budaya* 16-19.
- Siti Zaleha Hashim (1986, Julai). Muzik Melayu kita kaya. *Dewan Budaya*, 31-32.
- Siti Zaleha M. Hashim (2005, November 14). Bahasa baik lirik menarik. *Berita Harian*.
- Sufean Hussin (2002). *Dasar pembangunan pendidikan Malaysia: Teori dan analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Supyan Hussin. (2018). *Inclusiveness of Malay, Islam and its contribution to modern civilization development. Plenary paper* dibentangkan pada *Batu Sangkar International Conference III*, Institut Agama Islam Negeri Batusangkar, Sumatera Barat, Indonesia, 15 October 2018.
- Suroso & Puji Santosa (2009). *Estetika sastera, sasterawan & negara*. Yogyakarta: Pararaton.
- Syed Mohd Zakir Syed Othman (2006). *Kesusasteraan bercorak rakyat, kepunyaan rakyat dan untuk rakyat dalam Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang* (Mohd Amran Daud & Muhammad Ikhran Fadhly Hussin, Penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba (2016). *Perangai bergantung pada diri sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainuri Misfar (2011, Mei 2). Sastera dan pengaruh seni kata lagu. *Berita Harian*.
- Zurinah Hassan (2006, Mei). Jati diri bangsa dalam lirik. *Dewan Budaya*, 19-23.
- Zurinah Hassan (2013). *Puisi Melayu tradisional dalam lagu (Peranannya dalam pembentukan jati diri kebangsaan)*. Kertas Kerja dibentangkan pada *Hari Puisi Nasional*. Pulau Pinang, 11 Mei 2013.

(LAMPIRAN)

<p><b>HATI EMAS</b>  <i>(Lagu &amp; Lirik: M. Nasir)</i>  <i>(Album: Kembara 1981)</i></p> <p>berjalan di tanah gersang              mentari mencengkam dada              debu-debu di jalanan              menjadi teman setia</p> <p>tiada lain tujuan ku              hati emas yang ku cari              kisahnya di hujung dunia              mengapa tak ku temui</p> <p>oh! terdengar suara halus              bagai dengar dan menghilang              katanya pulanglah oh anakku              ia tiada di sini</p> <p>kembara              puas sudah ku mengembara              ke mana              perginya oh cahaya              mencari              hati emas bukannya mudah              di masa kini adakah kau peduli</p> <p>mungkinkah dikau miliki              hati emas murni suci              ingin ku menjadi sahabat mu              hingga akhir hayat nanti</p> <p>kembara              puas sudah ku mengembara              ke mana              perginya oh cahaya              mencari              hati emas bukannya mudah              mungkin selamanya tak akan aku              temui</p>	<p><b>PERJUANGAN</b>  <i>(Lagu &amp; Lirik: M. Nasir)</i>  <i>(Album: Perjuangan 1982)</i></p> <p>satu demi satu              ku atur langkah ku              meskipun perlahan tapi tegas</p> <p>saat demi saat              masa hampir tamat              masih banyak yang perlu diperlaku</p> <p>gelora jiwa ku              dalam perjuangan              bagai musafir yang sedang kehausan</p> <p>inilah masanya              aku mempertahankan              apa yang selama ini milik ku</p> <p>rintangan yang harus ku tempuhi              bukan hanya yang berada di luar              apa yang lebih aku takuti              adalah godaan yang ada di dalam</p> <p>tiada ku bina istana pasir              yang akan musnah ditelan ombak              perjuangan ku penuh pahit getir              tiada kejayaan tanpa pengorbanan</p>	<p><b>IMPIAN SEORANG NELAYAN</b>  <i>(Lagu &amp; Lirik: M. Nasir)</i>  <i>(Album: Perjuangan 1982)</i></p> <p>burung camar hinggap di jejari              seorang nelayan sedang bermimpi              mimpi tentang duyung              mimpi tentang untung              biduk hanyut dibawa ombak Laut China              Selatan</p> <p>dalam mimpi berkata sang duyung              wahai nelayan kau anak laut              di sini tempat mu              di sini rezeki mu              pengorbanan yang kau lakukan              ada balasannya</p> <p>mega mendung              laut pun bergoncang              nelayan tersentak biduk sesat haluan              sang mentari terlindung              pantai tak kelihatan              tawakal jalan akhirnya</p> <p>dalam pondok kecil              beratap rumbia              seorang ibu memandang hari muka              sambil ia menyusukan              bayi yang kehausan              ufuk timur hilang dari pandangan</p> <p>wahai anak yang sedang menangis              mungkin kini engkau tak mengerti              bila kau dewasa dan pandai nanti              pengorbanan ayah mu sayang              jangan kau lupakan</p>
<p><b>JALAN SEHALA</b>  <i>(Lagu &amp; Lirik: M. Nasir)</i>  <i>(Album: Generasiku 1983)</i></p> <p>malam yang dingin              membuat tubuhku menggeletar              kini ku tak tahu              di manakah aku</p> <p>bingung terasa              melihat arahan di papan tanda              tapi tak satu pun memberi pedoman</p> <p>dalam hatiku              hanya tersimpan hasrat ingin pulang              dan aku tahu              tiada jalan lain yang dapat ku lalui</p> <p>hanya naluri dan pedoman              dari Yang Maha Kuasa              menjadi pegangan hidup              walau di mana ku berada</p> <p>telah ku jelajah semua benua              semua jalan berliku              tapi hanya jalan sehalu              kan membawa ku pulang ke rumah</p> <p>langkah ini takkan ku patahkan              kerana ku telah melihat cahaya              hanya jalan sehalu              kan membawa ku pulang ke rumah</p>		

<p><b>GERHANA</b>  <i>(Lagu &amp; Lirik: M. Nasir)</i>  <i>(Album: Generasiku 1983)</i></p> <p>oh! siapakah  yang datang bersama malam  yang memuramkan wajah siang  hari ku</p> <p>oh! engkaukah  aku tak ingin menjemput mu  biarlah kau hanya berdiri di depan  pintu</p> <p>kau hancurkan hati ku  kau musnahkan harapan ku  pulanglah ke tempat asal mu  tempat asal mu</p> <p>oh! bilakah  gerhana kan pergi dari sisi ku  pergilah engkau dengan janji-janji  palsu mu</p> <p>gerhana ooo gerhana  ooo gerhana dalam jiwa ku</p> <p>kini ku berlari jauh  tapi kau masih mencari  pulanglah ke tempat asal mu</p>	<p><b>IMPIAN ANAK JALANAN</b>  <i>(Lagu &amp; Lirik: M. Nasir)</i>  <i>(Album: Seniman Jalanan 1984)</i></p> <p>kau mampu patahkan sayap ku  kau mampu tambatkan kedua kaki ku  tapi kau tak akan dapat  mematahkan semangat ku untuk hidup</p> <p>lampu neon di gedung indah  hanya pemikat mata yang tergoda  tapi aku kan tetap berjalan  menuju tujuan ku di sana</p> <p>berdendang anak jalanan  berdendang dengan rentak kehidupan  ku mohon perlindungan-Mu Yang Esa</p> <p>aku dan mereka sama  punya hati dan punya cita-cita  kota ini tempat ku belajar erti hidup</p> <p>ku tinggalkan kampung halaman  ku tinggalkan semua yang ku sayang  demi masa depan yang cemerlang  semoga aku diberi pedoman</p>	<p><b>KAMI ORANG MELAYU</b>  <i>(Lagu &amp; Lirik: M. Nasir)</i>  <i>(Album: 1404 Hijrah 1984)</i></p> <p>dari mana asalnya kita  benarkah kau memikirkannya  ke mana pula destinasi  atau sudah disuratkan begini</p> <p>bagaimana nak mengubah nasib  kalau fikiran kita sempit  manakah pula yang lebih baik  antara kejujuran dengan cerdas</p> <p>kami orang Melayu  dari rumpun yang satu  ada cabaran di hadapan</p> <p>kami orang Melayu  dari rumpun yang satu  adakah mimpi kita sama</p> <p>kalau terlalu banyak berangan  nanti tersungkur di tengah jalan</p> <p>orang-orang Melayu  kenallah sejarah mu  adakah mimpi kita sama</p>
<p><b>RUPA TANPA WAJAH</b>  <i>(Lagu &amp; Lirik: M. Nasir)</i>  <i>(Album: Dari Filem Kembara Seniman Jalanan 1986)</i></p> <p>damaikanlah jiwa ini  dalam kesangsian ku terus  kembara  aku hanya manusia  pasti ada yang dapat ku  perlakukan  sebelum ku pergi... oh...</p> <p>tiada apa yang ku pinta  dalam dunia yang banyak  meminta  aku hanya manusia  sekadar kebebasan sangat  berharga</p> <p>maka itu aku  terpesona, terpesona, terpesona  pada keindahan warna pelangi</p> <p>rupa tanpa wajah  bermain di mata  berjalan tanpa ikut haluan</p> <p>wajah pura-pura  bertopengkan wira  menari tanpa ikut irama</p> <p>terpesona, terpesona, terpesona  pada keindahan warna pelangi</p>	<p><b>SIAPA ORANG KITA</b>  <i>(Lagu &amp; Lirik: M. Nasir)</i>  <i>(Album: Dari Filem Kembara Seniman Jalanan 1986)</i></p> <p>manakah teman-teman ku  yang sama berjuang dahulu  hilang sudah, hilang sudah</p> <p>kebendaan menggelapkan  lupa dengan perjuangan  lupa sudah, lupa sudah</p> <p>manakah semangat dulu  atau hanya helah mu  hanya palsu, hanya palsu</p> <p>siapa, siapa orang kita  mana, mana orang kita</p> <p>hela, hela (6x)  nafasku hela  dengan hela, hela</p> <p>kita harus bertemu  buat rencana baru  kita satu, kita satu</p>	<p><b>SESAT DI KUALA LUMPUR</b>  <i>(Lagu &amp; Lirik: M. Nasir)</i>  <i>(Album: Dari Filem Kembara Seniman Jalanan 1986)</i></p> <p>sesat di Kuala Lumpur  dosa dan pahala bercampur  tapi kita perlu hidup  kita perlu terus hidup</p> <p>terima kasih tuan dan nyonya  doa sejahtera (selamat) kami pohonkan  pada Tuhan Maha Kuasa  Tuhan Maha Kuasa</p> <p>mungkin kita kan temui  kebahagiaan di Kuala Lumpur  dan mungkin kita akan kecewa</p> <p>mungkin kita akan jadi kaya dalam  lumpur  mungkin kita akan terpedaya  mungkin kita akan terpedaya</p> <p>mungkin ada jalan di Kuala Lumpur  jalan kebahagiaan  mungkin kita akan kecewa</p> <p>mungkin kita akan jadi alpa serta lupa  dan mungkin kita kan terpedaya  mungkin kita akan jadi kaya serta lupa  mungkin kita lupa pada asalnya (3x)</p>